

## Persepsi Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan Terhadap Personaliti Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam)

Othman Bin Napiah & Affizah Binti Adai

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan terhadap personaliti pelajar SPI. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tahun 4 daripada 13 kursus di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai sesi 2008/2009 iaitu seramai 125 orang pelajar. Satu set soal selidik yang mengandungi 35 item telah diedarkan kepada responden. Analisis deskriptif dibuat untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science version 14.0 for Windows*. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Cronbach's Alpha 0.968. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi positif terhadap personaliti pelajar SPI berdasarkan kepada nilai min yang diperolehi iaitu 3.69. Walau bagaimanapun, persepsi responden hanya berada pada tahap sederhana terhadap kesan personaliti positif pelajar SPI berdasarkan kepada nilai min 3.66. Hasil analisis juga menunjukkan bahawa responden mempunyai persepsi positif yang tinggi iaitu nilai min 4.15 terhadap ciri-ciri personaliti bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti. Di akhir kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan. Salah satu daripadanya adalah pelajar SPI sewajarnya menyedari peranan dan tanggungjawab yang terpikul kerana setiap perlakuan pelajar SPI menjadi panduan kepada pelajar-pelajar lain.

*Katakunci :* personaliti pelajar, persepsi pelajar, *Statistical Package for Social Science version 14.0*.

### Pendahuluan

Allah SWT telah menerangkan di dalam al-Quran bahawa manusia diturunkan di atas muka bumi ini adalah untuk menjadi khalifah sebagaimana dalam firmanNya:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman; “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi”. Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?”. Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.

(Surah al-Baqarah: 30)

Semua makhluk yang bergelar manusia adalah makhluk yang ditugaskan oleh Allah SWT sebagai khalifah yang berperanan untuk mewujudkan kemakmuran dan kebahagiaan hidup di muka bumi. Di samping itu, sebagai khalifah, setiap umat manusia juga sewajarnya sentiasa berusaha untuk menegakkan dan mengembangkan syiar Islam. Walau bagaimanapun, pemikiran manusia dewasa ini semakin disempitkan dengan beranggapan bahawa tugas berdakwah hanya terletak pada bahu orang yang bergelar ustaz dan ustazah sahaja. Hal ini adalah kerana ustaz dan ustazah dikatakan orang yang paling mengetahui ilmu-ilmu agama dan syariat berbanding dengan orang awam. Firman Allah SWT:

وَمَا يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ ﴿١٩﴾

Maksudnya: "Dan tidaklah sama orang buta dengan orang yang melihat".

(Surah Faatir: 19)

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?"

(Surah Az-Zumar: 9)

Tanggungjawab besar yang diletakkan di atas bahu guru-guru pendidikan Islam mengkehendaki mereka untuk sentiasa meningkatkan tahap ilmu pengetahuan serta menunjukkan contoh tauladan yang baik terutamanya dalam aspek personaliti kepada para pelajar dan juga kepada masyarakat sekeliling.

### **Pernyataan masalah**

Personaliti mempengaruhi segala tindak tanduk dan tingkah laku seseorang. Kadang kala personaliti itu tidak dapat dikenal pasti oleh individu itu sendiri melainkan setelah orang di sekelilingnya memberi maklum balas kepadanya. Adakah personalitinya selama ini baik atau sebaliknya. Jika dibuat analogi, maklum balas sekeliling itu umpama cermin kepada seseorang individu. Ia akan memantulkan sesuatu yang kita tidak nampak.

Begitu juga dengan personaliti pelajar SPI di UTM Skudai. Tanpa maklum balas daripada masyarakat sekeliling, kita tidak akan dapat mengetahui apakah personaliti pelajar SPI yang sebenar pada kaca mata mereka? Sejauhmanakah personaliti pelajar SPI itu menjadi panduan dan contoh tauladan kepada mereka? Lantas, apakah sebenarnya ciri-ciri personaliti yang perlu ada dalam diri bakal guru Pendidikan Islam? Segala persoalan ini adalah sebahagian daripada persoalan yang memerlukan jawapan untuk menilai keadaan sebenar berhubung dengan personaliti pelajar SPI di UTM Skudai. Sehubungan dengan itu, penyelidik berminat untuk mengkaji apakah persepsi pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai terhadap personaliti pelajar SPI.

## **Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenalpasti personaliti pelajar SPI berdasarkan persepsi pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM Skudai.
- ii. Mengenalpasti persepsi pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai tentang kesan-kesan personaliti positif pelajar SPI.
- iii. Mengenalpasti persepsi pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai tentang ciri-ciri personaliti bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti.

## **Kepentingan kajian**

Dapatan kajian ini sangat penting amnya kepada pelajar di Fakulti Pendidikan, Jabatan PPIPS (Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial) dan khususnya kepada mahasiswa Pengajian Islam di UTM Skudai serta seluruh universiti di Malaysia.

- i. Mengetahui persepsi pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan terhadap personaliti pelajar SPI di UTM, Skudai.
- ii. Membantu pihak jabatan PPIPS untuk merancang aktiviti yang sewajarnya jika mahasiswa SPI masih mempunyai masalah dari aspek, personaliti, kemahiran sosial dan seumpamanya.
- iii. Memberi kesedaran kepada mahasiswa SPI untuk meningkatkan personaliti ke arah yang lebih berkualiti sebelum keluar untuk menjadi pemimpin dalam bidang agama setelah tamat pengajian nanti.
- iv. Melihat sejauhmana mahasiswa SPI berfungsi serta berinteraksi dalam komuniti di Fakulti Pendidikan.

## **Rekabentuk Kajian**

Tujuan rekabentuk dalam penyelidikan adalah untuk mendapatkan maklumat atau jawapan kepada masalah penyelidikan. Rekabentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan. Menurut Cohen dan Manion di dalam buku Mohd. Najib Abd. Ghafar (1999:46), tinjauan adalah suatu rekabentuk kajian dengan mengambil data dalam satu masa tertentu sahaja yang kebiasaannya dengan menggunakan soal selidik. Penyelidik hanya 'meninjau' situasi pada satu masa tertentu sahaja.

Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, semua maklumat dikumpulkan dengan menggunakan set soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian adalah untuk menjimatkan masa dan tenaga di samping mengurangkan kos perbelanjaan berbanding dengan instrumen yang lain. Selain itu, bagi meninjau sejauhmana persepsi pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan di UTM Skudai terhadap personaliti pelajar SPI, semua data-data yang didapati dianalisis secara deskriptif.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar-pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Jumlah keseluruhan populasi ialah 415 orang. Populasi ini meliputi pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Populasi yang terlibat dalam kajian ini dapat dilihat dalam jadual 1 di bawah:

**Jadual 1** : Populasi pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM Skudai 08/09.

<b>Bil</b>	<b>Nama Program</b>	<b>Tahun 4</b>
1	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan Kejuruteraan Awam (SPA)	17
2	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan Kejuruteraan Elektrik (SPE)	22
3	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan Kejuruteraan Mekanikal (SPJ)	12
4	Sarjana Muda Teknologi dan Pendidikan Kemahiran Hidup (SPH)	129
5	Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Fizik (SPP)	23
6	Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Matematik (SPT)	20
7	Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan Kimia (SPK)	23
8	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Fizik (SPF)	16
9	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Matematik (SPM)	26
10	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Kimia (SPC)	27
11	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Sains (SPN)	32
12	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan Sains Sukan (SPS)	27
13	Sarjana Muda Sains serta Pendidikan TESL (SPL)	41
<b>Jumlah</b>		<b>415</b>

### **Pengumpulan Data Primer**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk satu set soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklum balas. Ini kerana melalui kaedah soal selidik, responden lebih berani memberikan tindak balas terhadap aspek yang dikaji berbanding dengan kaedah temubual. Kaedah ini juga lebih cepat dan menjimatkan masa serta perbelanjaan.

Soal selidik ini direka bentuk berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Set soal selidik tersebut dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A, B, C, D. Setiap bahagian mempunyai item seperti berikut:

**Jadual 2:** Maklumat setiap bahagian

<b>BAHAGIAN</b>	<b>JENIS MAKLUMAT</b>
A	Latar belakang responden
B	Persepsi terhadap personaliti pelajar SPI
C	Persepsi tentang kesan personaliti positif pelajar SPI
D	Persepsi terhadap ciri-ciri bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti

Pada bahagian A responden hanya menandakan salah satu pilihan jawapan dan soalan bebas iaitu mengisi tempat kosong. Tetapi bagi bahagian B, C, dan D responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 97). Dalam bahagian ini, responden dikehendaki menandakan jawapan berdasarkan skala dalam jadual 3:

**Jadual 3 :** Pengkelasan Skala Likert

	<b>Sangat Setuju (SS)</b>	<b>Setuju (S)</b>	<b>Kurang Setuju (KS)</b>	<b>Tidak Setuju (TS)</b>	<b>Sangat Tidak Setuju (STS)</b>
<b>Skor</b>	5	4	3	2	1

Kesemua data yang diperolehi daripada soal selidik ini akan dianalisis secara deskriptif.

### **Pengumpulan Data Sekunder**

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat tertentu, data-data sekunder diperlukan bagi menyokong huraian tertentu. Data-data ini diperolehi melalui:

- a) Buku-buku dan laporan kajian.
- b) Jurnal, artikel dari majalah-majalah dan surat khabar.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis adalah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji tahap kebolehpercayaan item-item soal selidik. Menurut Mohd. Majid Konting (2004: 218), melalui kajian rintis, kesesuaian dan ketepatan soalan serta format yang digunakan dapat dikenal pasti. Kelemahan-kelemahan yang ada meskipun kecil perlu diperbaiki untuk memastikan penghasilan soal selidik yang bermutu. Untuk tujuan ini, penyelidik telah mengambil item-item dari kajian lepas yang mana ianya telah sah kebolehpercayaannya dan diubah mengikut kesesuaian tajuk kajian penyelidik. Walau bagaimanapun, kebanyakan item dibina oleh penyelidik sendiri.

Responden bagi kajian rintis ini dipilih secara rawak. Mereka terdiri daripada 6 orang pelajar daripada tahun empat yang mengikuti kursus di Fakulti Pendidikan UTM, Skudai. Responden yang dipilih ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan responden yang akan digunakan dalam uji kaji yang sebenar. Penyelidik juga boleh berbincang dengan responden kajian rintis tentang masalah yang mungkin timbul sama ada dari segi pernyataan masalah, bahasa, kaedah pentadbiran dan jangka masa mengambil ujian (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 71).

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003: 122), nilai 0.8 didapati memadai untuk diterima sebagai tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. Sekiranya nilai adalah lebih rendah daripada 0.8, pengkaji perlu mengubah item dan seterusnya melaksanakan kajian rintis sekali lagi sehingga mencapai tahap nilai 0.8 ke atas.

Setelah kajian rintis ini selesai, maka kerja menganalisis data untuk mengetahui nilai kebolehpercayaan item yang dibina dilakukan. Penyelidik mendapati bahawa keputusan menunjukkan kebolehpercayaan Alpha Cronbach secara keseluruhannya adalah sebanyak 0.968. Ini membuktikan item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan tinggi. Hasil dapatan daripada kajian rintis ini digunakan untuk mendapatkan hasil dapatan kepada kajian sebenar.

### Analisis Keseluruhan

Analisis keseluruhan ini adalah analisis berkaitan dengan analisis ketiga-tiga objektif kajian. Berikut ditunjukkan analisis keseluruhan bagi setiap objektif kajian :

**Jadual 4** : Taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi persepsi pelajar terhadap personaliti pelajar SPI

No. Item	Item	Setuju (Item Positif)		Tidak Setuju (Item Negatif)		Min
		K	%	K	%	
1.	Pelajar SPI menguasai dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari dengan baik.	80	64.0	45	36.0	3.64
2.	Pelajar SPI menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.	91	72.8	34	27.2	3.77
3.	Pelajar SPI memberikan komitmen yang baik dalam kerja berpasukan.	81	64.8	44	35.2	3.72
4.	Pelajar SPI sentiasa bertutur dengan bahasa yang sopan dan lemah lembut semasa berkomunikasi dengan pelajar lain.	94	75.2	31	24.8	3.75
5.	Pelajar SPI sentiasa membantu pelajar-pelajar lain yang dalam kesusahan tanpa mengharapkan balasan.	83	66.4	42	33.6	3.66
6.	Pelajar SPI sentiasa berpakaian kemas dan bersih.	98	78.4	27	21.6	3.85
7.	Pelajar SPI mudah mesra dan disenangi oleh pelajar lain.	78	62.4	47	37.6	3.55

8.	Pelajar SPI sentiasa memberi dorongan kepada pelajar lain supaya menjadi insan yang taat kepada Tuhan, Ibubapa dan Guru.	85	68.0	40	32.0	3.68
9.	Pelajar SPI mudah dibawa berbincang di dalam pelbagai permasalahan dan isu semasa.	82	65.6	43	34.4	3.66
10.	Pelajar SPI sentiasa berkongsi ilmu pengetahuan yang ada kepada pelajar-pelajar yang lain.	84	67.2	41	32.8	3.70
11.	Pelajar SPI berperwatakan lemah lembut semasa bergaul dengan pelajar lain.	91	72.8	34	27.2	3.74
12.	Pelajar SPI sentiasa memastikan persekitaran di dalam bilik kediaman dan kelas bersih.	78	62.4	47	37.6	3.61
13.	Pelajar SPI dapat menyesuaikan diri di kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari pelbagai bidang.	81	64.8	44	35.2	3.58
14.	Pelajar SPI menghormati pelajar-pelajar lain sebagai rakan seperjuangan tanpa mengira agama dan bangsa.	93	74.4	32	25.6	3.73
15.	Pelajar SPI sentiasa bersikap jujur sama ada dalam pertuturan mahupun perbuatan.	81	64.8	44	35.2	3.66
<b>Purata Min Keseluruhan</b>						<b>3.69</b>

$N = 125$  (K = Kekerapan)

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi objektif pertama kajian iaitu persepsi pelajar terhadap personaliti pelajar SPI. Berdasarkan jadual tersebut jelas menunjukkan bahawa jumlah pelajar yang member persepsi setuju pada kesemua item adalah lebih tinggi berbanding persepsi tidak setuju.

Min yang tertinggi dalam objektif ini ialah item 6 iaitu 3.85. kemudian diikuti dengan item 2 (3.77) dan item 4 (3.75). Manakala min yang terendah ialah item 7 iaitu 3.55. Min keseluruhan bagi objektif pertama ini ialah 3.69. Ini menunjukkan pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan UTM Skudai mempunyai persepsi positif atau setuju terhadap personaliti pelajar SPI.

**Jadual 5 :** Taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi persepsi pelajar terhadap kesan personaliti positif pelajar SPI

No. Item	Item	Setuju (Item Positif)		Tidak Setuju (Item Negatif)		Min
		K	%	K	%	
16.	Perwatakan pelajar SPI mendorong saya untuk bersikap lebih matang dan lemah lembut.	84	67.2	41	32.8	3.62
17	Corak pemakaian pelajar SPI mendorong saya untuk berpakaian lebih menutup aurat / tidak menjolok mata dan kemas.	101	80.8	24	19.2	3.84
18.	Cara hidup SPI di kolej mendorong saya untuk lebih mementingkan kebersihan dan kekemasan.	72	57.6	53	42.4	3.48
19.	Budaya ilmu pelajar SPI mendorong saya untuk turut mendalami ilmu agama di samping bidang yang saya ceburi sekarang.	102	81.6	23	18.4	3.87
20.	Ilmu yang dikongsi oleh pelajar SPI banyak membantu saya memahami serba sedikit ilmu agama.	93	74.4	32	25.6	3.71
21.	Perwatakan pelajar SPI mendorong saya untuk sentiasa menjaga adab sopan dan tatasusila.	93	74.4	32	25.6	3.72
22.	Sifat jujur dan ikhlas pelajar SPI menjadi tauladan kepada saya.	77	61.6	48	38.4	3.51
23.	Personaliti positif pelajar SPI mendorong saya untuk bersahabat dengan mereka.	85	68.0	40	32	3.62
24.	Sikap hormat menghormati pelajar SPI membuatkan saya senang bergaul dengan mereka.	92	73.6	33	26.4	3.72
25.	Saya mudah untuk berkongsi masalah terutamanya berkaitan dengan masalah agama dengan pelajar SPI.	76	60.8	49	39.2	3.51
<b>Purata Min Keseluruhan</b>						<b>3.66</b>

N = 125 (K = Kekerapan)

Jadual 5 pula menunjukkan taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi objektif kedua kajian iaitu persepsi pelajar terhadap kesan personaliti positif pelajar SPI. Berdasarkan jadual tersebut juga jelas menunjukkan responden telah memilih persepsi setuju pada semua item ekor daripada nilai min yang lebih tinggi untuk bahagian setuju berbanding dengan bahagian tidak setuju.



Min yang tertinggi dalam objektif ini ialah item 19 iaitu 3.87. Kemudian diikuti dengan item 17 (3.84) dan item 21 serta 24 yang masing-masing mencatatkan nilai min 3.72. Nilai min yang terendah pula adalah item 18 iaitu 3.48. Min keseluruhan bagi objektif kedua ini ialah 3.66. Ini menunjukkan pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM Skudai mempunyai persepsi neutral atau sederhana terhadap kesan personaliti positif pelajar SPI.

**Jadual 6 :** Taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi persepsi pelajar terhadap ciri-ciri personaliti bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti

No. Item	Item	Setuju		Tidak Setuju		Min
		K	%	K	%	
26.	Menunjukkan akhlak dan sahsiah yang unggul kepada masyarakat sekeliling.	114	91.2	11	8.8	4.15
27.	Menguasai pelbagai ilmu berkaitan agama sebagai persediaan untuk berhadapan dengan pelajar juga masyarakat.	114	91.2	11	8.8	4.17
28.	Boleh menjadi pemimpin dalam bidang agama dalam pelbagai kelompok masyarakat.	113	90.4	12	9.6	4.20
29.	Boleh menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan dan masa.	108	86.4	17	13.6	4.17
30.	Mudah mesra dan di dampingi.	106	84.8	19	15.2	4.10
31.	Tegas dan adil dalam membentuk disiplin dan sahsiah pelajar.	109	87.2	16	12.8	4.11
32.	Sentiasa berdedikasi dan aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu pembentukan sahsiah yang unggul di kalangan pelajar dan masyarakat	111	88.8	14	11.2	4.13
33.	Bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan.	113	90.4	12	9.6	4.13
34.	Berusaha untuk menguasai pelbagai teknik dan kaedah pengajaran untuk membina suasana pembelajaran dan pengajaran yang berkesan.	115	92.0	10	8.0	4.17
35.	Sentiasa memainkan peranan sebagai wakil masyarakat dalam menyampaikan nilai-nilai murni.	111	88.8	14	11.2	4.14
<b>Purata Min Keseluruhan</b>						<b>4.15</b>

$\underline{N} = 125$  (K = Kekerapan)

Jadual 6 menunjukkan taburan kekerapan, peratus responden dan min bagi objektif ketiga kajian iaitu persepsi pelajar terhadap ciri-ciri personaliti bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti. Jadual tersebut menunjukkan bahawa pelajar juga memberikan persepsi setuju bagi kesemua item.

Min yang tertinggi dalam objektif ini ialah item 28 iaitu 4.20. Kemudian diikuti dengan item 27 dan 29 yang masing-masing mempunyai nilai min yang sama iaitu 4.17. Manakala nilai min yang terendah ialah item 30 iaitu 4.10. Min keseluruhan bagi objektif ketiga ini ialah 4.15. Ini menunjukkan pelajar tahun 4 Fakulti Pendidikan UTM Skudai mempunyai persepsi setuju terhadap ciri-ciri personaliti bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti yang telah disenaraikan oleh penyelidik.

## Perbincangan

Personaliti pelajar SPI dalam aspek **sifat amanah dan bertanggungjawab** pula terdiri daripada dua item iaitu item 2 dan item 3 yang menunjukkan min masing-masing adalah 3.77 dan 3.72. Hasil dapatan tersebut menunjukkan persepsi responden terhadap sifat amanah dan tanggungjawab pelajar SPI adalah positif. Ini juga bermakna pelajar-pelajar lain memandang positif terhadap sifat amanah dan tanggungjawab pelajar SPI dalam menjalankan tugas sebagai pelajar dan khalifah Allah Taala. Perkara ini adalah selari dengan pendapat Mohd. Shatar Sabran et.al (2006:15), pendidik yang bertanggungjawab ialah pendidik yang menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi. Dia akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan segala matlamat dan objektif tugasnya tercapai dengan cemerlang.

Seterusnya adalah berkaitan dengan personaliti pelajar SPI dalam aspek **sifat lemah lembut** yang terdiri daripada item 4 yang mempunyai min 3.75 dan item 11 pula mempunyai min 3.74. Hal ini menjelaskan bahawa persepsi responden terhadap sifat lemah lembut pelajar SPI dalam pergaulan dan komunikasi adalah positif. Guru Pendidikan Islam sewajarnya memiliki sifat lemah lembut tidak kira sama ada dalam pergaulan mahupun percakapan kerana ianya menjadi pemangkin kepada keberkesanan dakwah. Kenyataan ini selari dengan pendapat Abdullah Ishak (1995:89), bahasa dan tutur kata yang baik dan sopan merupakan alat dakwah dan pelunak hati bagi orang yang mendengarnya.

Seterusnya adalah personaliti pelajar SPI dari sudut **sifat fleksibel** yang terdapat dalam item 13 menunjukkan sebanyak 64.8% persepsi pelajar yang bersetuju manakala 35.2% pula tidak bersetuju. Min bagi item ini adalah 3.58 yang menunjukkan persepsi yang sederhana. Hal ini menunjukkan pelajar SPI masih kurang mampu untuk menyesuaikan diri dengan pelajar-pelajar lain dari kursus yang pelbagai di Fakulti Pendidikan.

Personaliti pelajar SPI dalam aspek **sifat ikhlas dan jujur** masing-masing terkandung dalam item 5 dan 15. Min bagi kedua-dua item tersebut adalah sama iaitu 3.66. Hal ini menunjukkan tahap persepsi yang sederhana terhadap sifat ikhlas dan jujur pelajar SPI. Keikhlasan merupakan sesuatu yang tersembunyi di dalam hati. Sehubungan dengan itu, penyelidik berpendapat bahawa responden sukar untuk menilai keikhlasan dan kejujuran pelajar SPI.

Menurut Mohd. Shatar Sabran et.al (2006:45), pendidik yang menghormati pelajar dapat merapatkan jurang di antara pelajar dan pendidik. Perkara ini menyokong hasil dapatan yang terakhir iaitu item 14 yang menerangkan **sifat hormat-menghormati** pelajar SPI. Item tersebut menunjukkan sebanyak 74.4% bersetuju manakala 25.6% pula tidak bersetuju. Min item ini

adalah 3.73 yang menunjukkan tahap persepsi positif responden terhadap personaliti pelajar SPI dalam aspek ini.

Kesimpulannya, min keseluruhan yang diperoleh iaitu sebanyak 3.69 yang berada di bawah skala tinggi iaitu (3.68-5.00) sebagaimana yang telah dinyatakan dalam jadual 4.41 menunjukkan bahawa kebanyakan responden memberi respon yang positif terhadap personaliti pelajar SPI.

## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan masih memprakui keunggulan personaliti pelajar SPI di UTM Skudai. Walaubagaimanapun, penyelidik mengharapkan kajian ini sedikit sebanyak akan dapat membantu pelajar-pelajar Pengajian Islam untuk menilai kembali segala kelebihan dan kelemahan diri dari pelbagai aspek dan seterusnya dapat mengukuhkan lagi kepercayaan masyarakat terhadap peranan ustaz dan ustazah di negara ini.

## **Rujukan**

- Ahmad Kilani bin Mohamed (2003). *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Johor: UTM Skudai.
- Atan Long Ph.D (1980). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Drs. Abdul Ghani Azmi Hj. Idris (2002). *Himpunan Hadith-Hadith Shahih: Jilid 3*. Kuala Lumpur: Al Hidayah.
- Ee Ah Meng (1998). *Pendidikan Di Malaysia II: Semester V*. Selangor: Fajar Bakti.
- Esah Sulaiman (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan*. Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamka, Dr. (1983). *Peribadi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pembelajaran & Pembelajaran*. Johor: Terbitan UTM Skudai.
- Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noran Fauziah Yaakub, Ahmad Mohdzan Ayob (1993). *Guru dan Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub (2002). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur & Barat*. Pahang: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Tajul Ariffin Noordin (1990). *Pendidikan: Suatu Pemikiran Semula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuan Mohd Fadlan Tuan Jaafar (2006). *Kerjaya Sebagai Guru*. Pahang: PTS Professional.
- Yahya Don (2006). *Psikologi Sosial Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.
- Yusuf Al-Qardhawi, Prof. Dr.; Penterjemah, Mohammad Zaini Bin Yahaya (2000). *Ciri-Ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Selangor: Penerbitan Seribu Dinar.